



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

EAIC SIASAT SERTA MERTA DAKWAAN KEJADIAN ROGOL DI DEPOT IMIGRESEN MACHAP UMBOO, MELAKA

Putrajaya 22 Mac 2017 – Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) telah memulakan siasatan serta merta berkaitan dengan dakwaan berlakunya kejadian rogol ke atas tahanan warga Thailand yang dikatakan berlaku di Depot Tahanan Imigresen Machap Umboo, Melaka seperti yang disiarkan oleh akbar New Straits Times bertarikh 22 Mac 2017.

Siasatan oleh EAIC adalah untuk mengenalpasti sama ada terdapat salah laku dilakukan oleh pegawai penguat kuasa, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan ketidakpatuhan ke atas Prosedur Tetap Operasi (SOP) Depot serta Pekeliling Imigresen Malaysia yang berkaitan dengan pengendalian dan pengurusan orang tahanan imigresen di depot terlibat.

Sehubungan dengan itu, EAIC juga menyerahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melakukan siasatan berkaitan kesalahan jenayah rogol berdasarkan kepada laporan polis yang telah dibuat oleh pengadu berkenaan.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

EAIC memandang berat dakwaan yang dibuat oleh pengadu tersebut dan akan menjalankan siasatan dengan telus, tanpa prejudis dan tidak berpihak kepada sesiapa.

-TAMAT-

DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM

Pengerusi
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

22 Mac 2017